



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPNJ.PBM.600-3/3/19 Jld. 4 (57)
Tarikh : 5 Jun 2022

Pengerusi

Young Buddhist Association of Malaysia
No.9 Jalan SS25/2
Taman Mayang
47301 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PERTANDINGAN KUIZ PENGETAHUAN AM KEAGAMAAN BUDDHA DALAM TALIAN TAHUN 200 BAWAH KELAB AGAMA BUDDHA DAN KELAB BAHASA CINA (PENGANUT AGAMA BUDDHA SAHAJA) BAGI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN YOUNG BUDDHIST ASSOCIATION OF MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPNJ mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.
3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal dan aktiviti berkumpulan secara bersemuka merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak JPNJ mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Pertandingan Kuiz Pengetahuan Am Keagamaan Budhha secara Dalam Talian Tahun 2022** pada **31 Ogos 2022**. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan

...2/-

JPNJ.PBM.600-3/3/19 Jld. 14 (57)

Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti yang dinyatakan dalam surat KPM.600-12/1/4 Jld.30 (16) bertarikh 24 Mei 2022.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan Puan Nor Wahidah binti Md Kassim, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian 019-7813628 atau menerusi e-mel wahidah.kassim@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI OMAR BIN SALLEH)

Timbalan Pengarah

Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- s.k
1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor
 2. Timbalan Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah
 3. Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

wahidah/pbm/2022